

PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL,
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA,
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.
TELEFON : 04-9171212 / 04-9171216 TELEFAX : 04-9176473

**KENYATAAN TAWARAN
SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN**

SEBUT HARGA NO. MADA(SH)/BME/P/14/2026

1. Sebut harga daripada petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **070303 (Peralatan Kelengkapan Pertanian)** atau **130102 (Mesin dan Kelengkapan Khusus)** dan mempunyai **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)** berstatus Patuh akan diterima di **PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam **12.00** tengah hari pada **12/03/2026 (KHAMIS)** untuk:-

Tajuk Sebut Harga : **MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENGUJI DAN MENJAYAJALANKAN PELBAGAI JENIS JENTERA BALER UNTUK PROJEK PENGUMPULAN DAN PEMROSESAN JERAMI KE ARAH KELESTARIAN INDUSTRI PADI LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA).**

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh didapati di Pejabat seperti alamat di atas pada waktu dan hari bekerja.
3. Harga dokumen sebut harga ialah **RM 10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)**, dan bayaran tidak akan dikembalikan.
4. Petender yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki membawa bersama **SURAT PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, SURAT AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERTARAF BUMIPUTERA** (jika berkaitan) dan **SIJIL PEMATUHAN CUKAI** yang asal untuk pemeriksaan dan sertakan sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan dokumen sebut harga.
5. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor sebut harga tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di Pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan sebut harga ini.
6. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran. Pihak MADA juga tidak terikat untuk menerima hanya **SATU (1)** tawaran penyebutharga bagi kesemua item, **tawaran boleh diterima dari penyebutharga yang berlainan mengikut item yang berlainan di dalam tawaran sebutharga.**
7. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.



(Ir. Ts. MOHD FADZIL BIN MAT DESA)
Pegarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.

Tarikh: **04/03/2026**

**BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**


**SEBUT HARGA NO. MADA(SH)/BME/P/14/2026
SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN**

Kepada: (Nama petender dan alamat) Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh:

Pejabat Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA),
Woksyop MADA,
06000 Jitra, Kedah Darul Aman.

Tarikh: **03/04/2026**

1. Sila sebutkan harga untuk bekalan/perkhidmatan seperti disenaraikan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat penyempurnaan : Bekalan/Perkhidmatan mesti menurut spesifikasi dan syarat yang ditetapkan.
3. Tarikh penyempurnaan : Dalam tempoh **24** **MINGGU** dari tarikh memulakan perkhidmatan.
4. Tarikh memulakan Bekalan/Perkhidmatan : **SATU (1) MINGGU** daripada tarikh Surat Setujuterima Sebut Harga yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa.
5. Arahan pengiriman : Dihantar ke pejabat tersebut di atas beserta salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, Surat Akuan Pendaftaran Syarikat Bertaraf Bumiputera** (jika berkaitan), **Sijil Pematuhan Cukai** dan **Profil Syarikat** termasuk **Penyata Kewangan** bagi tiga (3) bulan terkini yang disahkan oleh pihak bank.
6. Pembayaran : Pembayaran adalah dengan cek atau secara Pindahan Elektronik.
7. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor Sebut Harga tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di **Pejabat Bahagian Mekanikal dan Elektrikal, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 06000 Jitra, Kedah** sebelum **12.00 TENGAH HARI, 12/03/2026 (KHAMIS)**. Mana-mana Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
8. Bukti kiriman dengan pos tidak akan dianggap sebagai bukti penerimaan tawaran tersebut.
9. Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.
10. Petender hendaklah mengemukakan **Senarai Semak (Lampiran 3)** yang lengkap diisi.



 (Ir. Ts. MOHD FADZIL BIN MAT DESA)
 Pengerah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,
 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.